

Razaleigh berkhidmat terus bagi Umno dan negara



KUALA LUMPUR, Ahad — Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah petang ini dengan nada penuh keharuan, berikrar di hadapan lebih 1,000 orang perwakilan UMNO, beliau akan terus berkhidmat kepada parti dan negara.

"Sebagai seorang Melayu, seorang Islam dan seorang ahli UMNO yang setia, saya berikrar akan memperhambakan diri untuk UMNO selagi hayat dikandung badan.

"Oleh itu, Inshaallah dengan izinNya, saya akan terus memperhambakan diri saya untuk memberi khidmat saya bagi memaju dan memperkuatkan kedudukan parti dan negara demi kepentingan bangsa agama dan tanahair."

Ikrar beliau disambut tepuk gemuruh para perwakilan.

Tengku Razaleigh yang bangun berecap selepas waktu perbahasan petang ini berkata, beliau amat terharu mendengar uca-

pan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn ketika mengulung ucapan dasarnya di perhimpunan UMNO pagi ini.

Beliau kemudian memberitahu, akan terus berkhidmat sebagai bendahari parti jika ditawarkan jawatan itu.

Presiden baru parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengesahkan, Tengku Razaleigh akan ditawarkan jawatan bendahari parti.

Dihargai

Menteri Kewangan itu akan bercuti empat hari awal esok dan akan memulakan Datuk Seri Dr. Mahathir untuk perbincangan Khamis ini.

Beliau seterusnya memberitahu perhimpunan: "Datuk Hussein melahirkan harapannya supaya saya terus berkhidmat dalam Majlis Tertinggi UMNO dan Kerajaan.

"Harapan itu sangat-sangat saya hargai, saya mengucapkan terima kasih kepada Datuk Hussein atas sentimen dan kepercayaannya kepada

saya serta atas keyakinannya terhadap khidmat saya dalam parti dan kerajaan di masa lalu juga akan datang.

"Saya cukup sedar, segala luahan, baik yang ditimbulkan oleh perwakilan di dalam dan di luar perhimpunan agung ini supaya saya terus berkhidmat amatlah berat.

"Apa saja keputusan saya, sedikit sebanyak akan menyentuh parti dan negara, katanya.

Suasana sepi menyelubungi Dewan Nirwana beberapa minit. Perwakilan yang khusyuk terperanjat mendengar ucapan ringkas Tengku Razaleigh itu.

Tengku Razaleigh tewas dalam pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO Jumaat lalu. Sejak itu perwakilan berusaha memujuk beliau supaya tidak meletak jawatan.

Menteri Pelajaran, Datuk Musa Hitam memenangi jawatan itu dengan kelebihan 205 undi.

Tengku Razaleigh menegaskan, kesediaannya terus berkhidmat seperti yang disuarakan.

Ucapan yang amat mengharukan itu terganggu seketika disebabkan tepuk gemuruh perwakilan, sekali lagi bila Tengku Razaleigh mengajak pemimpin UMNO yang baru dipilih berganding bahu bersamanya berjuang untuk kepentingan UMNO dan orang Melayu.

"Inshaallah dengan izinNya, saya akan terus hambakan diri dan berkhidmat kepada parti dan negara untuk kepentingan UMNO bangsa dan tanahair yang saya kasahi," tegasnya.

Tengku Razaleigh berkata, pemimpin barisan depan UMNO hendaklah bersamasama memperkukuh kedudukan parti dan negara.

"Bagi diri saya, perhimpunan telah membuat keputusan, kerana itu saya terima keputusan pemilihan dengan segala senang hati", ujarnya.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada perwakilan yang mengundinya atau tidak beliau berkata, tugas memperkukuh UMNO dan negara tidak semata-mata di bahu UMNO tetapi harus dipikul bersama oleh pemimpin parti yang duduk di barisan depan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 10049
No. Penerimaan 3862 / 57